

TARIKH-TARIKH PENTING SESI JUN 2020
POLITEKNIK MUKAH, SARAWAK

1) PENDAFTARAN KOLEJ KEDIAMAN (KAMIS)

| KATEGORI PELAJAR | TARIKH DAFTAR | MASA DAFTAR |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------|-------------------------|
| Pelajar Baharu (Semester 1) | | |
| Pelajar Semester 1 (Bilik 1.02 – 1.20) | 29 Ogos 2020 | 8.00pg – 3.00ptg |
| Pelajar Semester 1 (Bilik 1.21 – 1.29) | 30 Ogos 2020 | 8.00pg – 11.00pg |
| Pelajar Senior : Pelajar yang TELAH melakukan Pra-Pendaftaran Kolej Kediaman dan TELAH mendapat nombor bilik | | |
| Pelajar tinggal di aras 1 | 5 September 2020 | 8.00pg -10.00pg |
| Pelajar tinggal di aras 2 | 5 September 2020 | 10.30pg – 3.00ptg |
| Pelajar tinggal di aras 3 | 6 September 2020 | 8.00pg -10.30pg |
| Pelajar Senior : Pelajar BERKEPERLUAN KHAS yang DILULUSKAN untuk kembali ke Kampus (Rujuk senarai nama di Portal Rasmi PMU (www.pmu.edu.my)) | | |
| Pelajar Semester 2 | 30 Ogos 2020 | 11.30pg – 3.00ptg |
| Pelajar Semester 3 | 6 September 2020 | 10.45pg – 12.00tgh hari |
| Pelajar Semester 4 | 6 September 2020 | 1.00ptg – 3.00ptg |
| Pelajar senior : Pelajar yang TIDAK melakukan Pra-pendaftaran Kolej Kediaman/ TIDAK memohon Kolej Kediaman/ TIDAK LULUS sebagai pelajar berkeperluan khas | | |
| Pelajar JKA, JKE dan JKM | 3 Oktober 2020 | 8.00pg – 3.00ptg |
| Pelajar JP dan JTMK | 4 Oktober 2020 | 8.00pg – 3.00ptg |

- **PENTING:** Sila patuhi jadual di atas serta SOP Pencegahan COVID19 yang telah ditetapkan (Lampiran 1)

2) TARIKH KEHADIRAN SECARA FIZIKAL KE KAMPUS UNTUK SESI PENGAJARAN dan PEMBELAJARAN (PdP)

| KATEGORI PELAJAR | TARIKH MULA PdP di KAMPUS | Jabatan |
|---------------------------|---------------------------|--------------------------|
| Pelajar Baharu | | |
| Semua Pelajar Semester 1 | 1 September 2020 | JKA, JKE, JKM, JP & JTMK |
| Pelajar Senior | | |
| Semester 2 | 7 September 2020 | JMSK |
| Semester 4 | 7 September 2020 | JKA, JKE, JKM & JTMK |
| Semester 5 | 7 September 2020 | JKA, JKE, JKM, JP & JTMK |
| Pelajar Berkeperluan Khas | 7 September 2020 | JKA, JKE, JKM, JP & JTMK |
| Pelajar Senior | | |
| Pelajar Semester 2 | 5 Oktober 2020 | JKA, JKE, JKM, JP & JTMK |
| Pelajar Semester 3 | 5 Oktober 2020 | JKA, JKE, JKM, JP & JTMK |
| Pelajar Semester 4 | 5 Oktober 2020 | JP |

- Sebarang perubahan tarikh terkini akan dimaklumkan melalui Laman Web Rasmi Politeknik Mukah (www.pmu.edu.my) dan sebaran di laman Facebook Politeknik Mukah.
- Sebarang tarikh pindaan terkini adalah tertakluk kepada arahan semasa kerajaan yang berkuatkuasa serta pihak kementerian dan jabatan yang berkaitan.



PROSEDUR OPERASI STANDARD PENDAFTARAN (SOP) KOLEJ KEDIAMAN POLITEKNIK MUKAH (PMU)

1. Sebelum Memasuki Kampus PMU

- ✚ Pastikan tarikh Ke Politeknik Mukah untuk tujuan Pendaftaran Kolej Kediaman adalah tepat dengan tarikh yang telah ditetapkan. **(Sila rujuk portal rasmi PMU)**
- ✚ Pastikan pelajar dan waris memakai pelitup muka sepanjang berada dalam kawasan PMU.
- ✚ Pastikan semua keperluan pelajar lengkap sebelum masuk kawasan PMU kerana pelajar **TIDAK DIBENARKAN** keluar kampus dalam **tempoh 14 hari selepas mendaftar**.
- ✚ Hanya **SEORANG** waris sahaja boleh mengiringi pelajar sehingga ke kawasan kampus. **(satu waris untuk satu kenderaan)**

2. Ketika Tiba di Pintu Utama PMU

- ✚ Semakan (imbasan) suhu oleh pengawal. Hanya suhu kurang dari 37.5 ° sahaja dibenarkan masuk ke dalam kawasan PMU.
- ✚ Pelajar diminta scan *QR code* untuk *Health Declaration* dan isi borang tersebut dengan memasukkan suhu yang diimbans oleh pengawal.
- ✚ Sekiranya semua menepati, pengawal akan membenarkan kenderaan pelajar masuk terus ke kawasan Kolej Kediaman
- ✚ Hanya **30 buah kenderaan sahaja** yang akan dibenarkan masuk untuk satu tempoh. Kenderaan yang seterusnya perlu menunggu giliran di luar kawasan PMU.

3. Parkir Kenderaan

- ✚ Kenderaan boleh diletakkan di sebelah kafeteria bersebelahan pintu masuk utama kediaman pelajar. Pelajar lelaki di sebelah pintu utama kediaman pelajar lelaki dan pelajar perempuan di sebelah pintu utama kediaman pelajar perempuan.
- ✚ Waris pelajar perlu tunggu pelajar di dalam kenderaan dan **TIDAK DIBENARKAN** untuk keluar dari kenderaan.

4. Proses Daftar Dan Membawa Barang Pelajar Ke Bilik

- ✚ Hanya **PELAJAR SAHAJA** dibenarkan ke pejabat Kolej Kediaman untuk pendaftaran. **Waris WAJIB** tunggu di dalam kenderaan.
- ✚ Sila serahkan **salinan RESIT bayaran Kolej Kediaman (RM60.00)** dan **Borang PERJANJIAN JAMINAN TATATERTIB KOLEJ KEDIAMAN** kepada pegawai di Kaunter Pejabat Kolej Kediaman.
- ✚ Selesai perkara di atas, pelajar akan diberikan kunci bilik dan diminta untuk menyelesaikan aktiviti memunggah barang dari kereta dengan kadar segera.

5. **Pergerakan Keluar Waris**

- ✚ Selesai pemunggahan **HANYA WARIS** yang perlu beredar keluar dari kawasan PMU.

6. **Jangkamasa Pergerakan**

- ✚ Jangkamasa yang diberikan adalah **maksimum 30 minit** bermula dari prosedur 2 sehingga 5.
- ✚ **Diminta pelajar dan waris menggunakan masa 30 minit dengan berhemah bagi memberi laluan kepada pelajar dan waris yang lain.**

PENGARAH

Politeknik Mukah

5 Ogos 2020